

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**  
**Peperiksaan Semester Pertama**  
**Sidang 1987/88**  
**HGM 334 - Geografi Penduduk**

**Tarikh:** 29 Oktober 1987

**Masa:** 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
(3 jam)

Jawab TIGA(3) soalan. SOALAN NO. 1 MESTI dijawab dan sebarang DUA(2) soalan lain.  
Soalan No. 1 membawa 40 markah dan soalan-soalan lain membawa 30 markah.

1. Tuliskan nota-nota mengenai sebarang dua(2) daripada yang berikut:
  - (a) Kajian-kajian geografi yang boleh dibuat berdasarkan kepada data dari banci penduduk dan sistem pendaftaran penting.
  - (b) Kesesuaian penggunaan pendekatan kebudayaan (Zelinsky) sebagai satu penerangan bagi taburan penduduk reruang sedunia.
  - (c) Perbezaan kematian mengikut sebarang dua ciri penduduk yang dicapai.
  - (d) Masalah-masalah yang dihadapi di dalam pengukuran fertiliti.
  - (e) Konsep-konsep dan teknik-teknik pemetaan taburan penduduk.
  
2.
  - (a) Bandingkan dan bezakan faktor-faktor yang mempengaruhi kematian di negara-negara maju sebelum mereka mencapai peralihan demografi dengan negara-negara membangun sejak Perang Dunia Kedua.
  - (b) Bincangkan implikasi dan kesan demografi yang wujud dari perubahan-perubahan dalam proses kematian yang berlaku di negara-negara membangun pada masakini.
  
3.
  - (a) Apakah ciri-ciri asas dalam sesuatu teori penduduk yang 'saintifik'? Bandingkan andaian-andaian asas di antara teori semulajadi dan teori sosio-ekonomi yang menerangkan pencetus perubahan saiz penduduk di dalam sesebuah negara.

.../2

- (b) Sejauh manakah teori-teori semulajadi sesuai untuk menerangkan perubahan-perubahan penduduk yang berlaku pada masakini di negara-negara perindustrian?
4. Merujuk kepada saiz dan pola taburan penduduk reruang sedunia pada masakini,
- (a) telitikan sebab-sebab asas menyokong dan membantah satu kes untuk menghadkan saiz penduduk di dalam sesebuah negara;
- (b) secara kritis, telitikan pendekatan-pendekatan yang perlu diikuti supaya polisi perancangan keluarga dapat diterima oleh penduduk di negara-negara membangun yang masih mengalami fertiliti yang tinggi.
5. (a) Merujuk kepada sesebuah negara tertentu di Asia Tenggara, jelaskan pola-pola migrasi yang dialami oleh negara itu sejak tahun 1945.
- (b) Sejauh manakah model menolak-menarik mencukupi untuk menerangkan proses migrasi yang berlaku di dalam negara itu?

-ooo000ooo-